

28 JAN 2003

Arab-Wanita/I

PERSATUAN WANITA ARAB MENYUMBANG KEPADA ORGANISASI KEBAJIKAN

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Persatuan Wanita Arab Kuala Lumpur hari ini menghulurkan sumbangan kepada Pertubuhan Bantuan Wanita (WAO), Pusat Autisme Impian dan Persatuan Terencat Akar Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Presiden WAO Awatif Baarma berkata Persatuan Wanita Arab menyumbang sejumlah RM70,000 kepada pertubuhan kebajikan di Malaysia, pelajar dari beberapa negara yang mengikuti pengajian bahasa Arab di Kuala Lumpur dan sumbangan kepada rakyat Palestin yang ditindas.

"Sejumlah hampir RM70,000 disumbangkan pada tahun 2003 dan jumlah itu termasuk sumbangan kepada tiga pertubuhan kebajikan di sini hari ini," kata Awatif pada majlis penyampaian cek itu di sini hari ini.

Presiden Majlis AIDS Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir menyampaikan cek berjumlah RM10,000 kepada WAO, RM3,000 kepada Impian dan RM4,000 kepada Persatuan Terencat Akal Selangor dan Melayu Persekutuan.

Menurut Awatif sebahagian daripada sumbangan itu dikutip pada Pesta Makanan dan Bazar Arab anjuran persatuan itu.

"Sepuluh negara Arab menyertai pesta yang berlangsung pada 22 Sept lepas dan kebanyakan negara berkenaan diwakili isteri-isteri Duta-duta Besar ke Malaysia yang menyumbang makanan serta barangan lain dari negara masing-masing," kata Awatif.

Awatif berkata bagi 2003, persatuan itu merancang menganjurkan pertunjukan kebudayaan bagi mengutip sumbangan untuk diagih-agihkan kepada lebih banyak pertubuhan kebajikan di negara ini.

Persatuan itu kini mempunyai 80 anggota.

-- BERNAMA

CL KHY LAT